

# Dr Mahathir bantu rawat mangsa tsunami

BH-4/2/2005:7

**BANDA ACEH:** Seorang mangsa tsunami yang berasal dari Desa Rabo, Pulau Nasi dekat sini, menerima kejutan apabila beliau yang sedang dirawat kerana luka di pipinya, mendapat rawatan khas daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang sedang melawat kem perubatan Posko Pengungsi Seunaboh yang dikendalikan Aman Malaysia, membantu seorang doktor sukarelawan Aman Malaysia, Dr Mohamed Kassim merawat Maulidin Pakeh, 23, yang cedera ketika menyelamatkan diri, 26 Disember lalu.

Dr Mahathir mengeluarkan sisa kayu bakau yang terbenam lebih sebulan di pipi kanan Maulidin, sebelum luka itu dirawat Dr Mohamed.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir, yang dalam rangka lawatan tiga hari ke wilayah itu turut melawat sekolah yang mendapat bantuan daripada Aman Malaysia.

Ketibaan beliau disambut meriah kanak-kanak di sekolah berkenaan yang turut menyanjikan beberapa lagu, khas

untuk beliau dan tetamu lain.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut menyumbang 400 helai telekung dan 400 kain pelikat untuk digunakan penghuni di kem Posko.

Ada kira-kira 2,500 orang termasuk 400 anak yatim mangsa tsunami dari 16 kampung dari tiga pulau di kepulauan Aceh iaitu Pulau Nasi, Pulau Beras dan Pulau Kerisik, ditempatkan di kem berkenaan.

Pasukan Aman Malaysia menyediakan kelengkapan persekolahan selain menyediakan pusat rawatan dan pasukan perubatan bagi mengubati mangsa. Mereka juga menyediakan sebuah pam dan penapis air.

Dr Mahathir ketika ditemui pemberita berkata, pasukan sukarelawan dari seluruh dunia perlu berada lebih lama di Aceh bagi terus memberikan bantuan kepada mangsa.

Katanya, selepas lawatannya ke beberapa tempat yang teruk dilanda bencana tsunami, beliau mendapati kawasan yang terbabit itu jauh lebih teruk daripada yang disangkakan.

"Kawasan yang terbabit sangat luas daripada yang saya fikir sebelum ini dan semuanya musnah teruk dan hancur.



**DR MAHATHIR** melihat serpihan kayu yang dikeluarkan daripada muka seorang penduduk tempatan selepas pembedahan kecil dengan bantuan sukarelawan Aman Malaysia, Dr Mohamed Kasim (kanan) ketika melawat kem Seunaboh, semalam. - Gambar Bernama

"Jadi saya fikir Aceh memerlukan bantuan bukan setakat satu atau dua bulan, tetapi untuk jangka masa yang lebih panjang," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, daripada laporan dan pemerhatian, beliau berpuas hati dengan bantuan yang dibe-

rikan sukarelawan dari Malaysia seperti Mercy dan Aman Malaysia.

Dr Mahathir berkata, pada pendapat beliau, pasukan sukarelawan dari Malaysia sudah menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab. - Bernama